

128

SOALAN NO. : 245

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN:

**Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah yang diambil
oleh pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah kawasan mudah
banjir di kawasan perumahan Taman Tunku Miri dan Lusut yang sangat
kerap berlaku dan adakah Kerajaan dapat mendalamkan sungai
berdekatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Bandaraya Miri. Kajian ini adalah untuk menyediakan satu pelan induk saliran untuk Bandaraya Miri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut terlibat dalam penyediaan dan penyiapan kajian ini. Hasil daripada kajian tersebut, cadangan untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan Taman Tunku dan Lusut ialah dengan pembinaan kolam takungan (*detention pond*) di Taman Tunku dan Sungai Maktab. Selain daripada itu, sistem perparitan sedia ada perlu dinaiktaraf.

Kementerian melalui JPS Malaysia sedang melaksanakan Pelan Pengurusan Sungai Bersepadu (IRBM) Sungai Miri. JPS Sarawak akan mengemukakan permohonan sejumlah RM15 juta di bawah RMKe-11 untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf sistem saliran di Taman Tunku dan Lusut dalam *Rolling Plan* (RP) akan datang.

Sekian, terima kasih.